



JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (1) Mei 2022 (016-033)

Pengkonsepsian Rasa Sebagai Refleksi Emosi Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

¹Julaina Nopiah & ²Nur Yasmin Afifie Saiful Bahri
julainanopiah@iium.edu.my & 2yasminafifie@gmail.com

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Tarikh terima : 7 April 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 22 April 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2022
Published online

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengupas konsep rasa yang merangkumi rasa manis, masam, masin, pahit dan tawar serta asosiasinya sebagai refleksi emosi dalam peribahasa Melayu. Kajian ini memfokuskan lima konsep rasa serta asosiasinya, iaitu tebu mewakili manis, cuka mewakili masam, belacan mewakili masin, kopi mewakili pahit dan air mewakili tawar. Pemilihan lima peribahasa bagi setiap konsep rasa dianalisis dengan menerapkan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) bagi melihat penggunaan peribahasa yang terkandung di dalam data korpus sedia ada bertepatan dengan makna peribahasa. Sebanyak lima data peribahasa Melayu yang mengandungi konsep rasa sebagai refleksi emosi dipilih menerusi dua buah buku, iaitu Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan Kamus Peribahasa Melayu. Makna yang tersirat di sebalik konsep rasa sebagai refleksi emosi diuraikan sehingga ke peringkat akal budi pemikiran masyarakat Melayu. Malahan hubungan antara masyarakat, bahasa serta ketajaman akal pemikiran Melayu dalam penghasilan peribahasa dapat diteliti menerusi pendekatan yang diaplikasikan. Pemilihan Pendekatan Semantik Inkuisitif dilaksanakan demi membuktikan makna tersirat berteraskan kognitif serta akal budi pemikiran Melayu yang terkandung dalam penghasilan peribahasa Melayu. Hasil kajian mendapati konsep rasa yang terkandung dalam peribahasa mengandungi refleksi emosi yang tersirat.

Kata kunci: *rasa, emosi, peribahasa Melayu, semantik inkuisitif, akal budi Melayu*

The Conception Of Senses As An Emotional Reflection In Malay Proverbs: Inquisitive Semantic Analysis

Abstract

This study was to explore the concept of taste include sweet, sour, salty, bitter, and tasteless as a reflection of emotional in the Malay proverb. This study focuses on five concepts of taste and its association as examples, sugarcane represents sweet, vinegar represents sour, 'belacan' represents salty, coffee represents bitter, and water represents tasteless. The selection of five proverbs for each concept of taste was analysed using Semantics Inquisitive Analysis introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) and using the Bridging Cross Reference (RRS) as evidence of the proverbs selected in existing corpus data matches with the connotation of proverbs.

Five of Malay proverb selected from two books that is, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu and Kamus Peribahasa Melayu selected as data. The implicit meaning behind the concept of taste as a reflection of emotions will be explained up to the detail of Malay intellectual. In fact, the relationship between society, language and Malay intellectual in Malay proverb studied with Semantics Inquisitive Analysis. The implementation of Semantics Inquisitive Analysis is applied to verify the motive behind the implicit meaning of Malay proverb based on cognitive and Malay intellectual. The finding shows that concepts of taste in Malay proverb embraces the reflection of emotions connotation.

Keyword: *taste, emotion, Malay proverb, inquisitive semantic, Malay intellectual*

1. Pendahuluan

Penghasilan peribahasa Melayu berkait rapat dengan pengalaman serta persekitaran masyarakat Melayu dahulu sering bersulam dengan kelembutan dan kesantunan. Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) menjelaskan peribahasa mengandungi makna yang lebih mendalam serta bersifat eksplisit. Bukan itu sahaja, peribahasa yang mengandungi makna kompleks disandarkan dengan Pendekatan Semantik Inkuisitif yang menghubungkan makna dengan akal budi penuturnya. Hal ini demikian kerana persiratan makna yang cuba disampaikan menjadi lebih sopan atau lembut untuk diujarkan bahkan memiliki makna yang tersirat atau makna yang lebih kompleks dan mendalam.

Peleraian konsep rasa dalam peribahasa Melayu sebagai suatu refleksi emosi dapat dilakukan dengan menerapkan Pendekatan Semantik Inkuisitif yang dihubungkan dengan kebijaksanaan pemikiran masyarakat Melayu dahulu. Justeru, konsep rasa yang digunakan dalam peribahasa Melayu sebagai refleksi emosi dapat diterokai dan dirungkai sehingga ke peringkat akal budi pemikiran masyarakat Melayu. Dengan keadaan sedemikian, kajian ini dilaksanakan bagi merungkai hubungan antara konsep rasa sebagai refleksi emosi dengan menerapkan Pendekatan Semantik Inkuisitif dan akal budi Melayu dalam peribahasa. Bukan itu sahaja, makna kompleks dan eksplisit yang terdapat dalam peribahasa Melayu dapat ditonjolkan dengan lebih mendalam. Hal ini akan memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu dalam menyusun kata dan pertuturan. Malahan, makna kiasan Melayu yang mengandungi konsep rasa dan asosiasinya sebagai refleksi emosi dapat dijelaskan sehingga ke akar umbi.

2. Kajian Literatur

Salah satu ciptaan kiasan Melayu yang mengetengahkan kebijaksanaan masyarakat Melayu ialah peribahasa. Hal ini demikian kerana peribahasa Melayu memaparkan sesuatu yang abstrak dan berubah menjadi konkrit berdasarkan akal budi masyarakat Melayu yang tinggi, halus dan kompleks (Hassan Ahmad, 2003). Kajian-kajian yang dilaksanakan dengan menerapkan Pendekatan Semantik Inkuisitif memberi penjelasan dengan lebih mendalam. Bukan itu sahaja, penghuraian makna yang bersifat lebih kompleks dan menyeluruh dapat diperolehi bahkan penelitian makna tersirat tidak terhenti pada peringkat harafiah sahaja. Kajian yang dilaksanakan oleh Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) yang memberi penumpuan terhadap pemahaman makna peribahasa dalam pembelajaran dan pengajaran subjek Bahasa Melayu di sekolah menjelaskan makna tersirat yang hadir dalam peribahasa Melayu memberi fokus yang mendalam terhadap kepentingan falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu yang bersifat lebih meluas.

Kajian yang dilaksanakan oleh Junaini Kasdan et. al (2016), Asad Mohamed dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) serta Muhammad Zaid Daud (2020) telah membuktikan bahawa penghuraian makna peribahasa berdasarkan gabungan daripada teori, falsafah, budaya dan kognitif dapat membedah makna peribahasa dengan lebih mendalam. Asad Mohamed dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) telah menjelaskan ketajaman pemikiran masyarakat Melayu melalui pengabstraksian objek garam dalam peribahasa. Kajian yang dilaksanakan oleh Junaini Kasdan et.al

(2016) serta Muhammad Zaid Daud (2020) dilihat turut membongkar makna peribahasa dengan lebih mendalam dengan memfokuskan terhadap peribahasa yang berkaitan dengan haiwan seperti ikan dan unggas. Dalam kajian tersebut, penjelasan yang berkait dengan perlakuan dan haiwan atau unsur fauna tersebut telah dikupas secara terperinci. Selain itu, Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019) turut melihat perlambangan di sebalik peribahasa Melayu. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah merungkai penggunaan leksikal angsa dan itik dalam peribahasa berdasarkan akal budi Melayu dalam kajian yang berjudul “*Sudah Tidak Tersudu oleh Angsa, Baru Diberikan kepada Itik*”: *Perspektif Semantik Inkuisitif dan Akal Budi Melayu*. Nor Hashimah Jalaluddin (2020) pula telah menjelaskan perkaitan antara metafora dan akal budi Melayu dengan mengupas makna metafora yang terkandung di dalam simpulan bahasa dan pantun menerusi makalah yang berjudul *Objek dalam Metafora dan Akal Budi Melayu*. Makna yang terkandung dikupas menerusi tiga peringkat, iaitu makna harafiah, kognitif dan inkuisitif. Penggabungan huraian data dengan bidang ilmu lain membongkar makna yang tersirat dalam simpulan bahasa dan pantun dengan lebih mendalam. Bukan itu sahaja perkaitan kajian multidisiplin turut dijelaskan dan diterangkan secara saintifik demi menonjolkan ketinggian akal pemikiran masyarakat Melayu dahulu dalam menyusun bunga bahasa.

Sementara itu, terdapat beberapa kajian yang memaparkan ‘rasa’ dan ‘emosi’ dalam aspek pengkajiannya. Penerapan Pendekatan Semantik Inkuisitif dilaksanakan terhadap peribahasa yang berasaskan konsep rasa bagi merungkai makna yang lebih mendalam dengan menggarap pemikiran akal budi Melayu terhadap kajian yang dilaksanakan oleh para pengkaji. Kajian yang dijalankan oleh Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) berkisar tentang empat tunas rasa, iaitu masam, manis, pahit dan masin serta asosiasinya dalam kiasan Melayu. Perhubungan antara Pendekatan Semantik Inkuisitif dan akal budi Melayu diaplikasikan dalam kajian berbentuk kualitatif ini. Bukan itu sahaja, kajian yang dilaksanakan Tangaprabhu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2018) menerapkan akal budi serta pemikiran masyarakat India terhadap peribahasa Tamil. Malahan, kajian tersebut mengaplikasikan Pendekatan Semantik Inkuisitif dalam membongkar pemikiran masyarakat India disebalik peribahasa Tamil. Daripada perspektif yang berbeza, kajian yang dilaksanakan Junaini Kasdan dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) menerapkan pembuktian dengan mengaitkan ayat suci Al-Quran sebagai bukti yang mempamerkan bahawa masyarakat Melayu mengambil berat panduan agama dalam kehidupan mereka. Kajian-kajian yang dilaksanakan menonjolkan keunikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu menerapkan budaya dan akal budi dalam peribahasa-peribahasa Melayu secara tersirat dan tersurat.

Bukan itu sahaja, kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Julaina Nopiah et.al (2017), Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Zahra Khajeh et.al (2014) serta Mahriyuni (2011) turut mengetengahkan konsep emosi yang diekprestasikan menerusi kiasan Melayu. Kajian yang dilaksanakan oleh Julaina Nopiah et.al (2018) telah menunjukkan kehadiran makna tersirat yang bersifat abstrak menerusi konsep makanan sebagai objek. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya pertalian ciri-ciri khas dalam pemakanan dengan emosi penutur. Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) pula turut menemukan dapatan berhubung refleksi emosi melalui perlambangan objek burung tiong dalam pantun Melayu yang merujuk kepada kesedihan, kekecewaan serta kedukaan.

Daripada perspektif yang berbeza, Mahriyuni (2011) pula telah menerangkan perkaitan antara budaya dan nilai masyarakat terhadap metafora abstrak yang digunakan untuk menjadi suatu refleksi atau representasi dalam peribahasa. Sementara itu, Zahra Khajeh et.al (2014) pula menjelaskan refleksi emosi marah dalam kajian yang dilaksanakan dengan melihat dari sudut budaya dan nilai masyarakat penutur. Tambahan juga, pendekatan ini melihat kehadiran konteks budaya turut memberi pengaruh yang sangat kuat terhadap bahasa kiasan yang dituturkan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini akan memanfaatkan data sekunder sebagai sumber data. Data kajian pengkaji adalah daripada daripada dua sumber, iaitu *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (Abdullah Hussain, 2004) dan *Kamus Peribahasa* (Saufie Afandy Md Senin, 2013). Dalam kajian ini, pengkaji akan menumpukan data peribahasa yang mengandungi konsep rasa sebagai refleksi emosi. Selain itu, pengkaji turut meneapkan data yang bersumberkan korpus dalam kajian ini. Pengkaji memanfaatkan data korpus dari sumber Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (PRPM). Bagi pengkaji, pengaplikasian data korpus bersama-sama analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam kajian ini membantu pengukuhan data kajian yang sedia ada. Secara keseluruhannya, proses penganalisan data dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap pertama melibatkan proses padanan antara objek peribahasa dengan makna terasnya (makna harfiah), tahap kedua melibatkan proses pengaplikasian rangka rujuk silang (RRS) manakala tahap ketiga pula melibatkan proses penerapan semantik inkuisitif.

Penganalisan Tahap Pertama

Penganalisan pada tahap pertama turut disebut sebagai pendekatan semantik skrip atau semantik falsafah. Pada tahap ini makna yang difahami secara harfiah atau secara umum. Pada peringkat permulaan, penulis terlebih dahulu membuat padanan antara objek peribahasa dengan makna terasnya (makna harfiah). Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyatakan bahawa tafsiran pada peringkat ini merupakan pengolahan penterjemahan sesuatu mesej atau informasi berpandukan kepada dokumen atau skrip dan pemerhatian. Pentafsiran yang dilakukan terhenti pada peringkat pemerhatian kehidupan masyarakat sahaja serta tidak mungkin dapat memberikan gambaran keseluruhan masyarakat Melayu berikutan pemahaman yang digunakan sebagai teras dan dasar hanyalah melalui pengamatan sesebuah kelompok masyarakat sahaja. Oleh hal yang demikian, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyifatkan analisis semantik skrip bersifat sangat terhad.

Penganalisan Tahap Kedua

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menerangkan bahawa penganalisan tahap kedua atau semantik resonans menghubungkan antara kognitif penutur dan teori malah, hubungan antara kognisi dan komunikasi dibongkar secara ilmiah supaya makna tersirat dapat dirungkaikan. Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2018) turut menjelaskan bahawa semantik resonans hanya terhad kepada makna yang terkandung dengan menerapkan analisis rangka rujuk silang (RRS) supaya makna yang diperoleh bersifat lebih mendalam.

Konsep Rangka Rujuk Silang

Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009) menjelaskan bahawa Rangka Rujuk Silang (RRS) merungkai pentafsiran yang mengambil kira kognitif penutur dengan menerapkan makna tersurat dan tersirat yang dijelaskan supaya bersifat lebih objektif melalui data yang diteliti dari sudut pandangan semantik dan pragmatik dalam Teori Relevans (TR) seperti yang diperkenalkan oleh Dan Sperber dan Dierde Wilson (1995). Hal ini demikian kerana pentafsiran makna dalam sesebuah konteks dapat dihuraikan dengan rangka rujuk silang yang memungkinkan pendengar atau pembaca mencari premis tambahan supaya dapat memproses maklumat yang disampaikan seperti yang dijelaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009). Bukan itu sahaja, Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) turut menerangkan bahawa konsep RRS membantu merungkai maklumat tambahan dengan kehadiran antededen yang terkandung berdasarkan konteks ayat. Kehadiran antededen dalam konteks ayat memberi gambaran yang lebih jelas lantas membantu pembaca atau pendengar memahami ujaran penutur. Pada peringkat ini, proses pemetaan rangka rujuk silang (RRS) terhadap data korpus akan dilakukan.

Penganalisisan Tahap Ketiga

Penganalisisan tahap ketiga merupakan analisis pada peringkat inkuisitif. Pendekatan Semantik Inkuisitif ini diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan mampu menghubungkan falsafah, teori, budaya, kognitif serta data korpus dengan meneliti akal budi pemikiran masyarakat Melayu. Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menjelaskan bahawa semantik skrip dan semantik resonans tidak cukup menyeluruh dalam menghuraikan makna tersirat serta merungkai makna sebenar yang cuba disampaikan. Kenyataan tersebut disokong oleh Julaina Nopiah et. al (2017) dan Mohd Syukri Anwar (2017) yang menyatakan bahawa Pendekatan Semantik Inkuisitif bukan sahaja dapat menonjolkan asas serta akal budi pemikiran Melayu malahan pengetahuan serta penjelasan yang bersifat multidisiplin yang merangkumi sejarah, sains, agama geografi dan pelbagai bidang lain turut diteliti. Pengaplikasian pendekatan ini berupaya merungkai maklumat yang hadir dalam peribahasa Melayu sekali gus membuktikan ketinggian akal pemikiran masyarakat Melayu dahulu terutamanya dalam menyusun dan mencipta peribahasa yang sarat dengan peringatan, nasihat dan teguran.

4. Dapatan dan Perbincangan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mentakrifkan ‘rasa’ adalah sesuatu yang dikecap melalui lidah seperti manis, masam, tawar dan lain-lain. Sementara itu, berdasarkan takrifan berhubung konsep rasa ini, Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), mentakrifkan ‘manis’ sebagai rasa seperti gula atau madu, ‘masam’ sebagai rasa seperti cuka, ‘masin’ sebagai rasa seperti garam, ‘pahit’ sebagai rasa seperti rasa hempedu, manakala ‘tawar’ sebagai tidak berasa apa-apa. Berpegang kepada takrifan ini, pengkaji akan membincangkan lima konsep rasa, iaitu manis, masam, masin, pahit dan tawar serta asosiasinya seperti ‘tebu’ mewakili manis, ‘cuka’ mewakili masam, ‘belacan’ mewakili masin, ‘kopi’ mewakili pahit, manakala ‘air’ mewakili tawar.

Konsep Manis

Berdasarkan data kajian, terdapat empat peribahasa Melayu yang mengandungi konsep rasa sebagai refleksi emosi, iaitu “bertanam tebu di bibir”, “bertanam tebu di mulut, bertanam halia di hati”, “ditanam tebu di telinga, berkembang bunga raya di muka” serta “rindu akan jadi batasnya, maka manis tidak jadi cuka”. Walau bagaimanapun, bagi tujuan perbincangan yang lebih berfokus, penulis hanya akan membincangkan satu peribahasa, iaitu “bertanam tebu di bibir” dalam ruangan ini.

Jadual 1 Peribahasa yang mengandungi konsep rasa manis sebagai refleksi emosi

Peribahasa	Maksud
Bertanam tebu di bibir	Mengeluarkan perkataan yang manis-manis (untuk memujuk dan sebagainya).

Tahap 1: Semantik Skrip

Konsep manis yang digunakan dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” bererti seseorang yang hanya menyatakan sesuatu yang menggembirakan pendengar dengan harapan dapat memujuk atau memikat.

Tahap 2: Semantik Resonans

Penerapan rangka rujuk silang (RRS) bagi peribahasa “bertanam tebu di bibir” bertujuan untuk membuktikan bahawa ujaran atau janji manis yang diberikan oleh penutur mampu menerbitkan rasa

gembira dan seronok pendengar. Oleh hal yang demikian, penggunaan peribahasa ini dalam konteks ayat dapat dianalisis berdasarkan data korpus (i) dan (ii) di bawah.

- i. Esei kecil ini cuba mengingatkan pemimpin mengenai **lafaz ucapan dan janji** dalam kempen politik mereka bukanlah retorik bagi **memenangi jiwa pengundi** seperti peribahasa Melayu *****bagai bertanam tebu di bibir*****. Hakikatnya, setiap pemimpin akan menanggung beban amanah terhadap **lafaz janji ditawarkan kepada rakyat**.

(Muhammad Mohamad Idris (2020), Pemimpin Amanah, Berakhlak Dikenang Sepanjang Zaman)

- ii. **“Beliau ikhlas mahu yang terbaik untuk Sarawak.** Beliau bukan jenis orang yang *****bertanam tebu di bibir*****, seperti yang kamu dapat lihat daripada contoh-contoh tadi. Ini semua ini, dasar dan tanggungjawab yang sedang dilaksanakan.”

(Robin Augustin (2016), Adenan dipuji laksana janji)

Berdasarkan data korpus (i) kenyataan **memenangi jiwa pengundi** dan kenyataan dalam data korpus (ii) iaitu, **beliau ikhlas mahu yang terbaik untuk Sarawak** merupakan premis tambahan yang membantu pembaca dan pendengar untuk memahami inti pati peribahasa yang dilafazkan. Kedua-dua kenyataan merupakan antiseden yang membantu bagi penjelasan yang menggambarkan peribahasa “bertanam tebu di bibir” digunakan untuk mengeksprestasikan janji atau kata-kata yang baik demi menggembarakan pendengar.

Perkataan **lafaz** yang diulang sebanyak dua kali dalam data korpus (i) menegaskan janji yang diberikan sekadar menggembarakan pendengar namun tidak ditunaikan. Tambahan juga, kenyataan **bukan jenis orang** yang terdapat dalam data korpus (ii) turut menjelaskan bahawa janji yang ditabur bukan sekadar kata-kata manis yang digunakan untuk meraih undi atau menggembarakan orang ramai tanpa sebarang tindakan. Justeru peribahasa “bertanam tebu di bibir” menjelaskan ahli politik yang menggunakan pujukan atau janji-janji manis demi meraih undi dan mendapatkan sokongan.

Secara tuntas, data korpus (i) dan (ii) menyokong konsep manis yang diwakili dengan tebu dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” menjelaskan penggunaan kata-kata yang baik demi tujuan memujuk serta menggembarakan pendengar. Penerangan serta pemahaman makna peribahasa “bertanam tebu di bibir” merungkai penggunaan peribahasa ini yang sebagai halwa telinga pendengar. Emosi atau perasaan gembira pendengar setelah diberi janji atau mendengar kata-kata yang ‘manis’ dapat dilihat dan diperhati. Oleh hal yang demikian kenyataan-kenyataan yang terkandung dalam data korpus (i) dan (ii) di atas menjadi maklumat tambahan supaya makna peribahasa “bertanam tebu di bibir” dapat difahami sepenuhnya. Jelaslah bahawa konsep rasa manis dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” yang diwakili dengan tebu membawa refleksi emosi gembira.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada tahap semantik inkuisitif, konsep rasa sebagai refleksi emosi dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” akan diteliti sehingga ke peringkat akal budi pemikiran Melayu. Penjelasan berkaitan dengan analisis yang dilakukan pada peringkat ini menghubungkan pemikiran, budaya, persekitaran serta akal fikiran yang tajam masyarakat Melayu dahulu dalam mencipta peribahasa. Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2018) menjelaskan bahawa masyarakat Melayu mempunyai pemikiran yang hebat kerana mampu menghubungkan objek, falsafah serta akal budi dalam setiap peribahasa yang dicipta. Pengupasan yang menjelaskan konsep rasa manis sebagai refleksi emosi gembira dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” diteliti dari sudut semantik inkuisitif.

Refleksi emosi gembira yang direpretasikan menerusi rasa manis dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” diwakili oleh tebu. Konsep manis dalam peribahasa ini ditafsirkan sebagai rasa gembira

yang hadir apabila mendengar janji atau pujukan. Peribahasa ini menggunakan tebu sebagai mewakili konsep manis kerana sifat manis tebu sebagai sumber utama dalam penghasilan gula. Tebu atau nama saintifiknya *Saccharum Officinarum L* merupakan rumput tropikal terbesar yang tergolong dari keluarga *Poaceae*. Menurut artikel yang ditulis oleh Muhaizatul Akma Mohd, Mohammad Nasri Yaakub dan Annie Laily Arif (2012) tebu merupakan tanaman yang diproses untuk menghasilkan gula, air minuman atau dimakan begitu sahaja.

Bukan itu sahaja, air atau jus tebu yang diperolehi setelah proses pemerahan batangnya, mempunyai rasa yang manis kerana mengandungi **sukrosa**. Hal ini demikian kerana J.M. Cooper (2006) dan Encyclopaedia Britannica (2019) menjelaskan bahawa sukrosa turut dikenali sebagai gula atau *α -D-glucopyranosyl β -D-fructofuranoside* yang terdiri daripada glukosa dan fruktosa yang merupakan sebatian organik kristal tanpa warna yang memiliki rasa manis serta larut di dalam air. Malahan Muhaizatul Akma Mohd, Mohammad Nasri Yaakub dan Annie Laily Arif (2012) turut menambah bahawa air tebu merupakan bahan asas yang digunakan dalam proses penghasilan gula perang, molases dan etanol. Hal ini memperlihatkan perkaitan rasa manis yang hadir pada tebu digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu dalam penghasilan peribahasa.

Kehadiran konsep manis yang menjadi refleksi emosi dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” berpunca daripada sifat tebu yang mengandungi gula lantas mampu menerbitkan rasa gembira dalam minda seseorang. Hal ini bersangkut paut dengan kandungan gula yang mengubah tindak balas kimia dalam otak untuk menggembirakan seseorang setelah dimakan. Justifikasinya, Natasha Turner (2013) dan Nor Ashikin Mokhtar (2014) menerangkan bahawa tubuh manusia akan membebaskan hormon endorfin seperti dopamin dan serotonin yang berfungsi untuk membuatkan seseorang berasa gembira dan tenang setelah memproses atau mencernakan gula dalam badan. Bukan itu sahaja, gula akan membebaskan beta-endorfin, iaitu *neurotransmitter* dalam otak manusia yang bertindak sebagai ubat tahan sakit semulajadi serta menghasilkan rasa bahagia dan meredakan kegelisahan.

Penjelasan berikut membuktikan kehadiran rasa manis mampu menerbitkan kegembiraan. Kehadiran hormon serotonin yang berfungsi sebagai penstabil emosi semulajadi mampu mengawal kegelisahan, mengurangkan kemurungan serta mengeluarkan emosi gembira dan bahagia (Natasha Turner, 2013). Malahan kehadiran hormon dopamin yang membantu manusia untuk berasa seronok dan bahagia turut menjadi pemangkin sebagai pengupasan konsep rasa manis dalam peribahasa “bertanam tebu di bibir” merupakan refleksi bagi emosi gembira. Lebih-lebih lagi, refleksi emosi gembira yang hadir berdasarkan konsep rasa berjaya menonjolkan pemikiran akal budi Melayu yang bijak dalam menyusun bunga bahasa. Hal ini wujud akibat refleksi emosi gembira dapat dihuraikan dengan kehadiran elemen sukrosa yang terdapat dalam tebu terbukti mampu menerbitkan kegembiraan setelah hormon serotonin dan dopamin dihasilkan. Tamsilnya, masyarakat Melayu dahulu memiliki pengamatan yang sangat teliti terhadap alam sekitar mereka sehingga menyedari rasa manis mampu menerbitkan emosi gembira seseorang. Peribahasa “bertanam tebu di bibir” menjelaskan konsep manis sebagai refleksi emosi gembira berdasarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam memilih metafora yang sangat bersesuaian dalam peribahasa ini.

Konsep Masam

Bahagian ini akan meneliti peribahasa yang mengandungi konsep rasa masam atau asosiasinya sebagai refleksi emosi. Berdasarkan data kajian, pengkaji menemui empat peribahasa yang mengandungi konsep rasa sebagai refleksi emosi, iaitu “masam bagai nikah tak suka”, “minum cuka pagi hari”, “terkena pada ikan bersorak, terkena pada batang, masam” serta “jika hati tak suka, madu diminum serasa cuka”. Untuk tujuan penganalisan, pengkaji akan membincangkan peribahasa “masam bagai nikah tak suka” dalam ruangan ini.

Jadual 2 Peribahasa yang mengandungi konsep rasa masam sebagai refleksi emosi

Peribahasa	Maksud
Masam bagai nikah tak suka	Berdukacita, masam (merengus)

Tahap 1: Semantik Skrip

Data peribahasa berkonsepkan masam, iaitu “masam bagai nikah tak suka” membawa maksud berasa marah atau berang kerana berlaku sesuatu yang tidak mengikut perancangan atau terpaksa melakukan perkara yang tidak disukai.

Tahap 2: Semantik Resonans

Pada tahap ini bagi peribahasa “masam bagai nikah tak suka” dijelaskan dengan menerapkan rangka rujuk silang (RRS). Penerapan ini bertujuan untuk membuktikan bahawa ujaran atau janji masam menjadi refleksi emosi negatif, iaitu marah. Justeru, penggunaan peribahasa ini dalam konteks ayat dapat dianalisis.

- i. **PAK DIN merengus.** Senyum pun tidak, bahkan **mukanya masam mencuka.** Entah apa pula yang mengacau fikirannya. Apabila **ditanya tidak dijawabnya dan tidak dipandangnya** pula saya. Bak kata peribahasa Melayu lama *****masam bagai nikah tak suka***** pula.

(Faisal Muhamad (2019), *Tipu Muslihat Harga dalam Berniaga*)

- ii. Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak jawapan daripada Yang Berhormat itu kurang yakin diri kerana suara pun tidak begitu nyaringlah tadi kerana tidak begitu, saya percaya beliau itu **tidak suka, tidak seronok** dengan keadaan yang jalan bertol sekarang dan seperti *****masam bagai nikah tak suka*****. [Ketawa]

(Tan Seng Giaw (2000), *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat*)

Data korpus (i) menunjukkan peribahasa “masam bagai nikah tak suka” memberi gambaran Pak Din yang berasa berang dan tidak gembira. Frasa **Pak Din merengus** jelas mencerminkan kemarahan yang dirasainya. Keadaan Pak Din yang dinyatakan sebagai **mukanya masam mencuka** serta tindak-tanduknya yang **ditanya tidak dijawabnya dan tidak dipandangnya** menjadi premis tambahan yang menjelaskan emosi marah serta berang Pak Din pada ketika itu. Manakala data korpus (ii) menjelaskan penggunaan perlambangan emosi marah dalam pernyataan yang diajukan oleh Dr. Tan Seng Giaw terhadap Tuan Yang di-Pertua yang menyatakan beliau berasa **tidak suka** dan **tidak seronok** turut menjadi maklumat tambahan yang menjelaskan emosi marah yang dirasakan pada ketika itu. Kedua-dua konteks di atas memberikan gambaran emosi marah serta berang yang dialami Pak Din dan Tuan Yang di-Pertua dalam kedua-dua data korpus.

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa konsep rasa masam dalam peribahasa “masam bagai nikah tak suka” merupakan refleksi emosi marah. Peribahasa yang digunakan menunjukkan kemarahan seseorang dapat dilihat oleh penutur. Ijtihadnya, penggunaan peribahasa “masam bagai nikah tak suka” dalam kedua-dua data korpus di atas menjelaskan konsep rasa masam yang menjadi refleksi emosi marah. Penerapan RRS membantu proses pemahaman serta melihat penggunaan peribahasa ini bertepatan dengan makna. Menerusi data korpus (i) dan (ii) peribahasa “masam bagai nikah tak suka” menonjolkan rasa marah terhadap sesuatu. Ungkapan “masam bagai nikah tak suka” menunjukkan kemarahan kerana tidak suka akan sesuatu serta mempamerkan perasaan marah dan berang akibat berlakunya sesuatu perkara yang tidak diinginkan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Dewan Edisi Keempat (2015), J.D. Dziezak (2016) dan H. Valentová dan Z. Panovská (2003) menjelaskan konsep rasa masam sebagai salah satu daripada deria rasa utama di samping manis, masin dan pahit akibat kehadiran asid sitrik, *malic*, *oxalic*, asid tartarik serta asid laktik, makna masam juga dikaitkan dengan raub muka yang berkerut atau tidak gembira. Tambahan lagi, Grant Currin (2019) dan Marie-Luise Blue (2019) menyifatkan masam sebagai rasa yang berpunca daripada makanan atau minuman yang mengandungi asid yang membebaskan ion hidrogen atau proton dalam mulut seseorang. Oleh hal yang demikian rasa masam berlaku apabila lidah manusia mengesan kehadiran asid pada deria rasa.

Konsep rasa masam sememangnya tidak asing dengan rasa marah atau tidak gembira seperti yang terdapat dalam simpulan bahasa “muka masam” yang bermaksud berasa tidak gembira atau tidak senang. Perkara ini menunjukkan rasa masam yang sering dihubungkan dengan refleksi emosi negatif. Hal ini berikutan penjelasan yang menerangkan kesan masam pada badan manusia terutamanya ekspresi wajah. Sekiranya tubuh badan manusia menerima kandungan asid seperti asid sitrik, *malic*, *oxalic*, asid tartarik serta asid laktik yang berlebihan akan menimbulkan tindak balas negatif. Pada masa yang sama, Nevin Gürgör et. al (2017) dan Andrew I. Spielman dan Fritz W. Lischka (2004) menjelaskan bahawa manusia memiliki ciri-ciri “muka masam” akibat rangsangan rasa masam yang menyebabkan tindak balas otot *orbicularis oculi*, iaitu otot muka yang mengucup secara tidak langung mempamerkan ekspresi berkerut. Konsep masam menjadi refleksi emosi marah kerana seseorang yang marah tentu akan berkerut dan bermasam muka. Oleh hal yang demikian pemilihan konsep rasa masam sebagai perlambangan perasaan marah sangat sesuai diterapkan.

Dengan keadaan sedemikian, pengkaji mendapati ketajaman akal budi Melayu serta pemerhatian terhadap ekspresi wajah seseorang setelah menerima rangsangan rasa menunjukkan keprihatinan serta kewajaran dalam menjelaskan perasaan marah menerusi pengkonsepsian rasa masam dalam peribahasa “masam bagai nikah tak suka”. Masyarakat Melayu dahulu bukan hanya peka terhadap persekitaran mereka malah ekspresi wajah masyarakat di sekeliling mereka. Penerapan rasa masam sebagai refleksi emosi marah menunjukkan ketepatan pemilihan objek yang bersesuaian serta dapat difahami.

Konsep Pahit

Berdasarkan data kajian, pengkaji menemukan empat peribahasa yang mengandungi konsep rasa pahit sebagai refleksi emosi, iaitu “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit”, “mendapat kopi pahit”, “lemak manis pada dialah, pahit maung pada orang” serta “muat tebu di haluan, muat halia di buritan”. Dalam ruangan ini, pengkaji akan memfokuskan perbincangan terhadap satu sahaja peribahasa, iaitu “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit”.

Jadual 3 Peribahasa yang mengandungi konsep rasa pahit sebagai refleksi emosi

Peribahasa	Maksud
Bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit	Mulut manis hati busuk

Tahap 1: Semantik Skrip

Konsep rasa pahit yang digunakan dalam peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” boleh ditafsirkan sebagai seseorang yang manis ketika berbicara tetapi mempunyai hati yang busuk. Konsep rasa pahit boleh dilihat sebagai perasaan marah atau benci seseorang tetapi ditutup dengan ucapan yang baik.

Tahap 2: Semantik Resonans

Pendekatan rangka rujuk silang (RRS) yang diterapkan pada peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” bertujuan membuktikan konsep pahit sebagai refleksi emosi benci. Pembuktian perlambangan emosi ini dapat diteliti menerusi penggunaan peribahasa kerana penyampaian makna dapat dicapai dalam konteks ayat. Pada tahap ini bagi peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” dijelaskan sebagai refleksi emosi benci dan marah dapat dilihat dengan menerapkan rangka rujuk silang (RRS) menerusi data korpus di bawah.

“Sampai bila-bila pun **aku tidak akan percaya** kalau Ramlah berjanji hendak menolongku kerana dia *****bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit*****,” kata Sofea kepada Nani.

(Sapinah Said (2015), *Kamus Peribahasa Melayu*)

Menerusi data korpus di atas, konsep rasa pahit dalam peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” menjelaskan konsep rasa pahit yang mewakili perasaan marah dan benci. Kenyataan **aku tidak akan percaya** membuktikan bahawa Ramlah hanya bermulut manis tetapi menyembunyikan sifat atau perasaan sebenarnya. Oleh hal yang demikian, Ramlah yang hanya berpura-pura baik dan bermulut manis telah menerbitkan rasa benci dalam diri Sofea di samping menyembunyikan kebencian dalam dirinya sendiri. Kenyataan **aku tidak akan percaya** dalam data korpus di atas menjadi premis tambahan yang membantu proses pemahaman konsep pahit yang merupakan refleksi emosi benci. Justifikasinya, konsep pahit yang menjadi refleksi emosi negatif, iaitu benci dapat difahami berdasarkan penggunaan yang dinyatakan dalam data korpus di atas. Hal ini demikian kerana, kenyataan **aku tidak akan percaya** menjadi premis tambahan yang membantu pemahaman refleksi rasa yang hadir dalam peribahasa ini. Maka konsep rasa pahit dalam peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” merupakan refleksi emosi benci.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Sarah V Lipchock et. al (2003) dan Adam Drewnowski dan Carmen Gomez-Carneros (2000) menjelaskan bahawa rasa pahit merupakan suatu rasa yang tajam dan tidak menyenangkan, hal ini berlaku akibat daripada sebatian fenolik yang menyebabkan kehadiran astringensi atau rasa pahit atau berlaku ciri-ciri penolakan serta sensitiviti yang berkembang setelah manusia menelan atau makan tumbuh-tumbuhan yang mengandungi toksik. Justeru, konsep pahit dalam tumbuhan sering dikaitkan dengan kandungan toksik. Bukan itu sahaja, Nur Afiah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) menjelaskan bahawa sifat timun dendang yang merupakan tumbuhan memanjat serta mempunyai buah yang berwarna merah menarik tetapi mempunyai rasa yang pahit sebagai refleksi tingkah laku negatif. Tambahan lagi, buah timun dendang yang memiliki warna merah cantik menggambarkan pertuturan yang manis sedangkan buahnya berasa pahit memberi cerminan ciri-ciri negatif seseorang.

Seterusnya, Adam Drewnowski dan Carmen Gomez-Carneros (2000) menerangkan bahawa tumbuh-tumbuhan memiliki sebatian fenolik yang mempunyai rasa pahit, jumlah sebatian fenolik dalam setiap tumbuhan berbeza berdasarkan keadaan persekitaran, jenis tumbuhan serta tahap kematangan. Kandungan sebatian fenolik yang tinggi dalam tumbuh-tumbuhan boleh mengganggu proses penyerapan protein atau zat besi dalam tubuh manusia sekiranya diambil pada kuantiti atau keadaan yang salah. Malahan timun dendang juga tidak boleh dimakan sekiranya buahnya belum masak dan matang kerana mengandungi saina dan beracun. Justeru, konteks racun yang terdapat dalam buah mentah timun dendang menjadi perlambangan toksik yang menerbitkan rasa kebencian seseorang. Oleh hal yang demikian, peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” memperlihatkan kebencian daripada sudut penutur serta individu yang dinyatakan.

Pada masa yang sama, Robert Christopher Bruner (2014) pula menjelaskan konsep rasa pahit yang berlaku dalam mulut manusia tercetus apabila reseptor rasa pahit yang ada pada lidah diaktifkan, hal ini menyebabkan penghantaran isyarat rasa pahit kepada otak. Beliau turut menerangkan bahawa

terdapat komponen dalam molekul yang mengaktifkan rasa pahit mengandung bahan toksik serta beracun yang dihasilkan daripada tumbuhan. Kenyataan ini menjelaskan konsep rasa pahit yang tidak lari daripada konsep racun dan toksik. Oleh hal yang demikian pengkonsepsian rasa pahit sebagai refleksi emosi benci dalam peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” dapat dibuktikan.

Situasi ini menggambarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu kerana meneliti keseluruhan sifat dan ciri-ciri timun dendang untuk diterapkan dalam peribahasa. Pada masa yang sama, peribahasa “bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit” bukan hanya mencerminkan ciri-ciri tumbuhan tersebut sebagai refleksi negatif, malahan konsep rasa yang terkandung dalam timun dendang menjadi refleksi emosi benci. Pemerhatian yang dilakukan terhadap keseluruhan pokok timun dendang membuktikan kemahiran berfikir yang tinggi oleh masyarakat Melayu dahulu mengetengahkan konsep rasa pahit sebagai refleksi emosi benci dapat dijelaskan dengan melihat pada konsep racun yang ada pada beberapa jenis tumbuhan, juga pada buah timun dendang yang masih mentah. Penjelasan ini memperlihatkan racun dan toksik yang digunakan masyarakat Melayu dahulu sebagai metafora bagi refleksi emosi benci.

Konsep Masin

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji telah menemui tiga peribahasa yang mengetengahkan konsep masin atau asosiasinya sebagai refleksi emosi, iaitu “kera kena belacan”, “ibarat pecah tempayan pekasam, muka berconteng arang” serta “kalau kubuka tempayan budu, barulah tahu”. Dalam ruangan ini, pengkaji akan memfokuskan peribahasa “kera kena belacan” untuk dibincangkan secara terperinci.

Jadual 4 Peribahasa yang mengandungi konsep rasa masin sebagai refleksi emosi

Peribahasa	Maksud
Kera kena belacan	Sangat gelisah dan marah

Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa “kera kena belacan” membawa maksud keselisahan yang menyebabkan rasa marah akibat berlaku perkara yang tidak diingini secara tiba-tiba.

Tahap 2: Semantik Resonans

Pada tahap ini bagi peribahasa “kera kena belacan” dijelaskan dengan menerapkan rangka rujuk silang (RRS). Refleksi emosi marah dan gelisah dapat dilihat menerusi data korpus di bawah.

- i. KUALA LUMPUR – Datuk Seri Wee Ka Siong menyifatkan Menteri Kewangan, **Lim Guan Eng melenting** macam *** **“kera kena belacan”** ***. Menurut Presiden MCA itu, beliau sudah beberapa kali menerangkan Pas dan UMNO tidak ada kena mengenai mahu memboikot barangan bukan muslim.

“Kamu (Guan Eng), kamu sebagai kerajaan ada kuasa kalau salah (kempen beli produk muslim) dari segi undang-undang, sila ambil kalau sabotaj, kamu berkuasa sekarang,” katanya dalam video yang dimuatnaik di media sosialnya malam ini.

(Malaysia Gazette (2019), *Guan Eng macam ‘kera kena belacan’ – Ka Siong*)

- ii. "Lim Guan Eng apa hal ini, **melenting lagi macam ***kera kena belacan***?"** Soalnya.

Wee berkata orang Islam berhak memilih produk halal dan mempertikaikan penguasaan Bahasa Malaysia menteri kewangan itu sekiranya Lim mentakrifkan perlakuan ini sebagai boikot barangan keluaran bukan Islam.

"Eh kamu macam tak faham bahasa, kena balik sekolah ambil SPM balik. Bahasa Malaysia kamu faham tak?
(Malaysia Kini, (2019), *Apa hal Guan Eng macam kera kena belacan, kata Presiden MCA*)

Berdasarkan data korpus di atas, pendekatan rangka rujuk silang (RRS) bagi peribahasa “kera kena belacan” dilaksanakan demi membuktikan konsep masin yang diwakili oleh belacan sebagai refleksi emosi marah. Pembuktian dianalisis menerusi penggunaan peribahasa “kera kena belacan” dalam konteks ayat yang berjaya menyampaikan refleksi emosi marah yang terkandung disebalik peribahasa ini. Kedua-dua data korpus di atas merupakan berita tentang reaksi Lim Guan Eng terhadap isu boikot produk yang dihasilkan oleh orang bukan beragama Islam.

Menerusi data korpus (i) kenyataan yang diberikan oleh Wang Ka Siong **“Kamu (Guan Eng), kamu sebagai kerajaan ada kuasa kalau salah (kempen beli produk muslim) dari segi undang-undang, sila ambil kalau sabotaj, kamu berkuasa sekarang,”** menjadi maklumat tambahan bagi memudahkan pemahaman konsep masin sebagai refleksi emosi marah. Kenyataan Wang Ka Siong yang memerli Lim Guan Eng akibat tindakannya yang meleting kerana mendakwa bahawa barang atau produk penghasilan orang bukan islam telah diboikot. Bukan itu sahaja, dalam data korpus (ii) kenyataan **melenting lagi macam kera kena belacan** dalam akhbar *Malaysia Kini* menjadi premis tambahan dalam pemahaman refleksi emosi marah. Perkataan **melenting** menjelaskan kemarahan Lim Guan Eng terhadap isu boikot yang berlaku. Perkataan **melenting** berfungsi sebagai penjelasan yang membantu proses pemahaman pembaca. Kemarahan Lim Guan Eng dikatakan **macam kera kena belacan** oleh Wee Ka Siong merupakan refleksi emosi marah. Menerusi data korpus (i) dan (ii) jelas membuktikan konsep rasa masin yang diwakili oleh belacan menjadi refleksi emosi marah dan berang dapat diteliti dengan menerapkan pendekatan RRS. Konsep masin yang menjadi refleksi emosi marah dapat dibukti berdasarkan maklumat tambahan yang terkandung dalam data korpus (i) dan (ii).

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pengupasan yang menjelaskan konsep rasa masin yang diwakili dengan belacan sebagai refleksi emosi marah dalam peribahasa “kera kena belacan” diteliti dari sudut semantik inkuisitif. Belacan ialah produk hasil daripada udang geragau yang dicampur bersama garam kemudian ditumbuk, dijemur dan diperap (Adnan, 1984). Belacan menjadi wakil kepada konsep rasa masin kerana proses penghasilan belacan yang menggunakan garam yang banyak dan memiliki rasa yang masin. Bukan itu sahaja, belacan merupakan bahan perasa di dalam masakan dan tidak boleh dimakan secara langsung. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) dan Encyclopedia Britannica (2019) menjelaskan konsep rasa masin sebagai rasa garam mineral yang terdiri daripada sodium dan *chloride* (NaCl) dan digunakan secara meluas sebagai bahan perasa atau dikaitkan dengan pengalaman. Pengkonsepsian rasa masin sebagai refleksi emosi marah dalam peribahasa “kera kena belacan” boleh dilihat pada penggunaan objek monyet yang jelas menunjukkan sebagai binatang yang tidak mempunyai akal fikiran. Sekiranya seekor monyet diberikan belacan tentulah monyet tersebut akan berasa berang kerana belacan mempunyai bau yang kuat dan tidak boleh dimakan.

Pada perspektif yang berbeza, konsep masin dalam peribahasa “kera kena belacan” turut memperlihatkan emosi marah. Hal ini dapat dilihat pada sifat garam sebagai bahan perasa dalam masakan tetapi mendatangkan keburukan sekiranya digunakan secara berlebihan atau terlalu sedikit.

Penjelasan ini bersangkut-paut dengan keperluan garam dalam tubuh manusia seperti yang dijelaskan oleh Hrefna Palsdottir (2017), Alina Petre (2020) serta Sarika Rana (2017) yang

menerangkan kepentingan pengambilan garam dalam kuantiti yang betul bagi mengelakkan kesan negatif seperti rasa pening, rasa mual dan muntah-muntah, kekeliruan, keletihan, kekejangan otot, kenaikan tekan darah, kembung perut serta dahaga yang melampau, meningkatkan risiko barah perut, sakit jantung dan boleh menyebabkan kematian pramatang.

Konsep rasa masin dalam peribahasa “kera kena belacan” menjelaskan refleksi rasa marah yang tercetus akibat daripada keadaan tubuh badan sedang memberontak memperlihatkan ciri-ciri kemarahan tubuh badan sebagai reaksi pemberitahuan supaya tindakan segera dapat diambil. Berikutan tindak balas tubuh yang seakan memberi amaran kepada diri agar menjaga kadar pengambilan garam yang betul, justeru konsep garam sebagai refleksi emosi marah dapat ditonjolkan. Hal ini berikutan fungsi garam sebagai elektrolit yang menjamin tubuh manusia dapat beroperasi dengan sempurna namun disebabkan pengambilan garam yang salah tubuh badan manusia memperlihatkan reaksi negatif sebagai tanda marah kerana tindakan tersebut sangat berbahaya dan mampu meragut nyawa. Justeru keadaan tubuh yang memberontak dilihat sebagai reaksi marah. Tamsilnya, pemerhatian masyarakat Melayu dahulu terhadap kesihatan tubuh badan telah meneliti kesan pengambilan garam yang salah terhadap tubuh badan manusia menonjolkan kebijaksanaan serta kepekaan yang tinggi. Walaupun tidak terdedah dengan pengetahuan perubatan namun berdasarkan pemerhatian yang tajam pemahaman terhadap bahaya pengambilan garam yang salah dapat diekspresikan dalam peribahasa “kera kena belacan” lantas dapat memperlihatkan konsep masin sebagai refleksi emosi marah. Hal ini berikutan reaksi ‘marah’ tubuh yang seakan memberi peringatan supaya menjaga kadar pemakanan terutamanya sesuatu yang mengandungi garam menjadi teras pemahaman konsep rasa masin sebagai refleksi emosi marah.

Konsep Tawar

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, takrifan ‘tawar’ yang dipegang dalam kajian ini adalah merujuk kepada perihal ‘rasa yang tidak berasa’. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menemui tiga peribahasa yang mendukung konsep ‘tawar’ sebagai refleksi emosi. Tiga peribahasa yang ditemui ialah, “air diminum sembiluan”, “air diminum terasa duri, nasi dimakan terasa sekam” serta “apa boleh buat, nasi sedap menjadi tawar”. Walau bagaimanapun, untuk keseragaman, pengkaji hanya akan membincangkan satu sahaja peribahasa yang berkaitan, iaitu “air diminum sembiluan”.

Jadual 5 Peribahasa yang mengandungi konsep rasa tawar sebagai refleksi emosi

Peribahasa	Maksud
Air diminum sembiluan	Sangat sedih

Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa “air diminum sembiluan” membawa maksud seorang yang sedang susah hati atau berasa sedih.

Tahap 2: Semantik Resonans

Penerapan rangka rujuk silang (RRS) bagi peribahasa “air diminum sembiluan” bertujuan untuk membuktikan bahawa konsep tawar yang diwakili air menjadi refleksi emosi sedih dan hiba. Oleh hal yang demikian, penggunaan peribahasa ini dalam konteks ayat dapat dianalisis menerusi dua data korpus di bawah.

- i. Sahabudin merasakan *****air diminum sembiluan***** selepas kedua-dua orang anaknya **disahkan menghidap penyakit leukemia** oleh doktor.

(Sapinah Said (2015), *Kamus Peribahasa Melayu*)

- ii. **Sejak anaknya diculik**, Datin Sabariah **begitu sedih** dan **susah hati** sehingga *****air diminum sembiluan*****.

(Zanariah Abdol, (2015), *Peribahasa Watafa*)

Penerapan RRS dilaksanakan bagi membuktikan konsep rasa tawar yang menjadi refleksi emosi sedih atau hiba. Kenyataan **disahkan menghidap penyakit** dalam data korpus (i) yang menjadi maklumat tambahan dapat membuktikan konsep rasa tawar sebagai refleksi emosi sedih dan hiba. Hal ini demikian kerana, kenyataan tersebut menjelaskan refleksi emosi yang dirasakan oleh Sahabudin setelah mendapat tahu kedua-dua anaknya menghidap penyakit yang boleh membawa maut. Pengukuhan pemahaman konsep rasa tawar sebagai refleksi emosi sedih dan hiba turut dijelaskan berdasarkan data korpus (ii). Berdasarkan klausa **sejak anaknya diculik** merupakan premis tambahan bagi menjelaskan konsep tawar sebagai refleksi emosi sedih. Tambahan lagi frasa **begitu sedih** dan **susah hati** yang digunakan menunjukkan elemen sedih yang dirasai oleh Datin Sabariah setelah anaknya diculik. Justeru, konsep tawar yang diwakili air sebagai refleksi emosi sedih dapat dibuktikan menerusi penggunaan peribahasa tersebut dalam data korpus (i) dan (ii). Berdasarkan data korpus (i) dan (ii), konsep rasa tawar sebagai refleksi emosi sedih atau hiba dalam peribahasa “air diminum sembiluan” dapat difahami. Hal ini dapat dibuktikan menerusi penggunaan peribahasa tersebut berdasarkan konteks yang bersesuaian. Tambahan juga, kehadiran maklumat tambahan dalam konteks turut membantu proses pemahaman. Oleh hal yang demikian, terbukti bahawa konsep rasa tawar yang diwakili air dalam peribahasa “air diminum sembiluan” merupakan refleksi emosi sedih atau hiba.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) tawar bermaksud hambar dan tidak mempunyai apa-apa rasa. Istilah air dipilih sebagai asosiasi rasa tawar kerana air merupakan cecair yang tidak mempunyai sebarang rasa. Peribahasa “air diminum sembiluan” menghubungkan konsep rasa tawar dengan emosi sedih, hal ini demikian kerana air yang tawar tidak mempunyai sebarang rasa. Justeru, pengabstrakan emosi sedih menerusi konsep tawar dalam peribahasa “air diminum sembiluan” dapat diteliti. Pengkonsepsian rasa tawar dalam peribahasa “air diminum sembiluan” sebagai refleksi emosi sedih kerana air mempunyai ciri-ciri tawar atau tidak mempunyai rasa dapat dikaitkan dengan seseorang yang menghidapi kemurungan. Perkara ini memperlihatkan kesedihan yang tersembunyi dalam diri seseorang. Maka, konsep tawar atau tiada rasa berhubung kait dengan kemurungan dan kesedihan terkandung dalam peribahasa “air diminum sembiluan”. Aspek emosi sedih serta rasa tawar saling berkaitan antara satu sama lain sehingga membuktikan kewajaran pada konsep rasa tawar yang menjadi refleksi emosi sedih.

Kemurungan turut menerbitkan emosi sedih lalu menyebabkan pelbagai masalah emosi dan fizikal hadir bersama. American Psychiatric Association (2020) menyatakan bahawa kemurungan merupakan penyakit serius yang memberi kesan negatif terhadap perasaan serta cara berfikir dan bertindak. Ciri-ciri seseorang yang menghidap kemurungan ialah sedih, hilang selera makan, hilang deria rasa, sukar untuk tidur serta sering berasa tidak berharga. Kesedihan yang dirasakan ketika kemurungan mengganggu proses penghasilan hormon yang membantu manusia untuk merasa. Selain daripada keadaan kemurungan yang seakan tidak mempunyai sebarang emosi diertikan sebagai kesedihan yang melampau. Tambahan lagi, ciri-ciri seseorang yang menghidap kemurungan ialah hilang deria rasa yang turut mencetuskan pemahaman refleksi emosi sedih. Perkara ini terhasil akibat daripada kesedihan yang dirasakan ketika kemurungan mengganggu proses penghasilan hormon yang membantu manusia untuk merasa. Kenyataan ini disokong oleh artikel yang berjudul *Losing Your Sense of Taste Could be Sign of Depression* daripada *Mail Online* (2006) yang menjelaskan tahap penghasilan hormon noradrenalin yang mengawal *mood* atau emosi meningkat lalu menumpulkan kebolehan lidah untuk merasa. Keadaan manusia yang tidak mampu merasa setelah berlaku penurunan hormon noradrenalin dapat dikaitkan dengan konsep tawar, iaitu tidak mempunyai rasa. Oleh hal yang demikian konsep rasa tawar dapat ditafsir sebagai perlambangan emosi sedih.

Bukan itu sahaja, kemurungan mengakibatkan pengurangan neurotransmisi hormon dopamin dan serotonin yang menyebabkan gangguan terhadap kepekaan pada deria rasa (Tom P. Heath et. al., 2006). Hal ini wujud akibat daripada pengurangan penghasilan hormon dopamin dan serotonin yang akan membuatkan seseorang menjadi sedih dan murung. Kemurungan yang dialami akan mengganggu proses normal tubuh badan sehingga mendatangkan kemudaratan. Perkara ini berlaku kerana kesedihan serta kadar normal penghasilan hormon saling berkait, maka perwakilan emosi sedih dalam konsep rasa tawar dapat dijelaskan. Justeru, penerapan konsep rasa tawar sebagai refleksi emosi sedih dalam peribahasa “air diminum sembiluan” dapat dirungkai dan dijelaskan. Hal ini bersangkutan-paut dengan pemerhatian masyarakat Melayu yang melihat konsep tidak mempunyai rasa atau tawar sebagai refleksi kesedihan. Malahan, pengamatan yang tajam terhadap individu yang sedih bersedih turut mempengaruhi penggunaan konsep rasa tawar sebagai refleksi emosi sedih. Pemerhatian serta pemikiran yang jelas terhadap pemahaman istilah tawar turut mencetuskan idea kepada penghasilan peribahasa “air diminum sembiluan” yang menghubungkan konsep rasa tawar dengan emosi sedih.

5. Kesimpulan

Peribahasa Melayu merupakan khazanah bahasa yang mencerminkan pemikiran dan falsafah pemikiran Melayu. Pengkaji telah membincangkan falsafah serta akal budi pemikiran Melayu yang terkandung di sebalik peribahasa yang menggunakan pengkonsepsian rasa sebagai refleksi emosi. Perbincangan yang dilaksanakan dengan mengenal pasti kehadiran konsep rasa sebagai refleksi emosi dalam peribahasa Melayu telah menyenaraikan peribahasa yang menggunakan konsep rasa, iaitu manis, masam, pahit, masin dan tawar asosiasinya sebagai refleksi emosi. Pengkaji telah memilih satu peribahasa untuk setiap konsep rasa dan dianalisis berdasarkan tiga tahap semantik bermula dengan semantik skrip, semantik resonans dan juga semantik inkuisitif. Pada tahap pertama makna peribahasa hanya pada peringkat harfiah sahaja, seterusnya makna pada tahap kedua yang menerapkan pendekatan RRS dengan merujuk kepada data korpus dari sudut penggunaan peribahasa dalam sesuatu konteks. Kemudian, menerusi tahap ketiga dengan mengupas makna peribahasa sehingga ke peringkat akal pemikiran Melayu.

Perkara ini turut memperlihatkan bahawa kajian yang menggunakan peribahasa Melayu sebagai data kajian tidak terhenti pada peringkat kognitif malahan boleh berkembang kepada peringkat akal budi pemikiran Melayu. Bukan itu sahaja, Pendekatan Semantik Inkuisitif turut berupaya menjelaskan kebijaksanaan yang terkandung di sebalik penciptaan peribahasa Melayu. Peribahasa Melayu bukan hanya pengabstraksian objek yang terhad pada ruang kognitif sahaja tetapi merupakan ungkapan yang terkandung mutu dan tahap kreativiti yang sangat tinggi kerana meliputi pelbagai ilmu dan bidang. Hal ini dapat dilihat pada pemilihan objek dalam sesuatu peribahasa Melayu yang tidak bersifat sewenang-wenangnyalah malah terbit daripada perkaitan antara objek dan makna teras peribahasa tersebut.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (2007). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam Drewnowski dan Carmen Gomez-Carneros. (2000). Bitter taste, phytonutrients, and the consumer: A review. *The American Journal of Clinical Nutrition*, Volume 72, Issue 6, Pages 1424–1435.
- Adnan, N. A. (1984). Belacan-Kaedah penyediaan dan kawalan. *Teknologi Makanan*, Jil.3, Bil. 1, pp. 5-8.
- Alina Petre. (2020). What happens if you eat too much salt? *Healthline*. Diakses pada 28 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.healthline.com/nutrition/what-happens-if-you-eat-too-much-salt#short-term-effects>.
- American Psychiatric Association. (2020). *Depression*. Diakses pada 28 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.psychiatry.org/patients-families/depression/what-is-depression>
- Andrew I. Spielman dan Fritz W. Lischka. (2004). Taste and smell. *Encyclopedia of Gastroenterology*. Amsterdam: Elsevier.
- Asad Mohamed dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstraksi objek konkrit dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa* 18(2), 197-218.
- Dan Sperber dan Dierde Wilson. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed). Oxford: Basil Blackwell.
- Encyclopedia Britannica. (2019). Salt. Diakses pada 27 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.britannica.com/science/salt>.
- Encyclopedia Britannica. (2019). Sucrose. Diakses pada 23 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.britannica.com/science/sucrose>.
- Faisal Muhamad. (2019). Tipu muslihat harga dalam berniaga. *Sinar Harian*. Diakses pada 16 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.sinarharian.com.my/article/31587/KOLUMNIS/Tipu-muslihat-harga-dalam-berniaga>.
- Grant Currin. (2019). Why do people scrunch up their faces after tasting something sour? *Live Science*. Diakses pada 28 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.livescience.com/65869-why-sour-face.html>
- H. Valentová dan Z. Panovská. (2003). Sensory evaluation: Taste. *Encyclopedia of Food Sciences and Nutrition* (Second Edition). San Diego: Academic Press Inc.
- Hassan Ahmad. (2003). Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya. *Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hrefna Palsdottir. (2017). Salt: Good or bad? *Healthline*. Diakses pada 28 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.healthline.com/nutrition/salt-good-or-bad>.
- J.D. Dziejak. (2016). Acids: Natural acids and acidulants. *Encyclopedia of Food Sciences and Nutrition*. Illinois: Academic Press.
- J.M. Cooper. (2006). *Optimising sweet taste in foods*. Cambridge: Woodhead Publishing.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2017). Refleksi Dualisme Durian-Timun dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 21(2): 1-14.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2018). Makanan ‘berangin’ dan ‘berbisa’ dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 2018: 27 - 40
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 34(1), 185-201.
- Junaini Kasdan dan Hashimah Jalaluddin. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Dalam Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur*, pp. 1-20.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahriyuni. (2011). Pengungkapan emosi pada pribahasa dalam metafora Melayu. *Jurnal Bahas Unimed*, no. 83.
- Mail Online. (2006). *Losing your sense of taste could be sign of depression*. Diakses pada 27 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.dailymail.co.uk/news/article-420722/Losing-sense-taste-sign-depression.html>.
- Malaysia Gazette. (2019). *Guan Eng macam ‘kera kena belacan’ – Ka Siong*. Diakses pada 20 November 2020 daripada laman sesawang <https://malaysiagazette.com/2019/09/09/guan-eng-macam-kera-kena-belacan-ka-siong/>.
- Malaysia Kini. (2019). *Apa hal Guan Eng macam kera kena belacan, kata presiden MCA*. Diakses pada 20 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.malaysiakini.com/news/491285>.

- Marie-Luise Blue. (2019). What chemical compounds are thought to be responsible for the tastes of bitter, sour, salty & sweet? Diakses pada 28 November 2020 daripada laman sesawang <https://sciencing.com/chemical-compounds-thought-responsible-tastes-bitter-sour-salty-sweet-16579.html>.
- Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 16 (No. 2), 227-253.
- Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Unsur burung dalam pantun: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-15.
- Mohd Syukri Anwar dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Lipas dan katak dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 25 (2), 33-49.
- Muhaizatul Akma Mohd, Mohammad Nasri Yaakub dan Annie Laily Arif. (2012). Tebu kampung ke luar negara. *Berita Transformasi Pertanian: Lembaga Pertubuhan Peladang*.
- Muhammad Mohamad Idris. (2020). Pemimpin amanah, berakhlak dikenang sepanjang zaman. *BH Online*. Diakses pada 15 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/09/733835/pemimpin-amanah-berakhlak-dikenang-sepanjang-zaman>.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. Sarawak: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet. (2019). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, Vol. 2, Issue 1 37-62.
- Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet. (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Mulyadi. (2001). Konsep emosi dalam bahasa Melayu. *Dewan Bahasa, Februari*, 28-35.
- Nevin Gürgör, Yesim Beckmann, Nazlı Hassanzadeh, Şehnaz Arici, Tülay K.İncesu, Yaprak Seçil dan Cumhur Ertekin. (2017). Activity of facial and swallowing muscles during water and sour bolus deglutition in healthy adult humans. *Journal of Neurological Sciences* [Turkish] 34:(2) 58; 173-183.
- Natasha Turner. (2013). *How sugar makes you depressed and ways to detox from it*. Diakses pada 23 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.chatelaine.com/health/diet/how-sugar-makes-you-depressed/>.
- Nor Ashikin Mokhtar. (2014). Why we love sugar. *The Star*. Diakses pada 23 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.thestar.com.my/lifestyle/viewpoints/womens-world/2014/11/30/why-we-love-sugar>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Objek dalam metafora dan akal budi Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 199-222.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan Pen-dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 9(2).
- Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.
- Robert Christopher Bruner. (2014). *The evolution of bitter taste*. Diakses pada 26 November 2020 daripada laman sesawang <https://scholarblogs.emory.edu/evolution-shorts/2014/05/01/the-evolution-of-bitter-taste/>
- Robin Augustin. (2016). Adenan dipuji laksana janji. *Free Malaysia Today*. Diakses pada 16 November 2020 daripada laman sesawang <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/03/17/adenan-dipuji-laksana-janji/>.
- Sabitha Marican. (2012). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sapinah Said. (2015). *Kamus peribahasa Melayu*. Selangor: Pelangi ePublishing Sdn Bhd.
- Sarah V Lipchock, Julie A Mennella, Andrew I Spielman dan Danielle R Reed. (2003). Human bitter perception correlates with bitter receptor messenger RNA expression in taste cells. *The American Journal of Clinical Nutrition*, Volume 98, Issue 4, Pages 1136-1143.
- Sarika Rana. (2017). Signs you are not getting enough salt: Keep a check! *ND TV*. Diakses pada 28 November 2020 daripada laman sesawang <https://food.ndtv.com/food-drinks/signs-you-are-not-getting-enough-salt-keep-a-check-1770606>.
- Saufie Afandy Md Senin. (2013). *Kamus Peribahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distriburors.
- Tan Seng Giaw. (2000). *Penyata rasmi parlimen Dewan Rakyat*. Parlimen Kesepuluh Penggal Kedua Mesyuarat Pertama, Bil. 25.

- Tangaprabhu Murthy dan Mary Fatimah Subet. (2018). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif (Sugar cane images in Tamil proverbs: A semantic inquisitive analysis). *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f24-29.
- Tom P. Heath, Jan K. Melichar, David J. Nutt and Lucy F. Donaldson. (2006). Human taste thresholds are modulated by serotonin and noradrenaline. *Journal of Neuroscience*, 26 (49). Diakses pada 27 November 2020 daripada laman sesawang <https://doi.org/10.1523/JNEUROSCI.3459-06.2006>.
- Zahra Khajeh, Imran Ho-Abdullah dan Tan Kim Hua. (2014). Emotional temperament in food-related metaphors: A cross-cultural account of the conceptualisations of anger. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, Vol 20 (1): 33 – 48.
- Zanariah Abdol. (2015). *Peribahasa watafa*. Selangor: Pelangi ePublishing Sdn Bhd.

Biodata Penulis

Julaina Nopiah ialah pensyarah kanan di Jabatan Komunikasi Bahasa Melayu, Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kajian beliau adalah berkaitan Semantik dan Pragmatik, khususnya yang berkaitan Gastronomi dan peribahasa Melayu.

Nur Yasmin Afifie merupakan lepasan graduan bagi program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa di bawah Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).